

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
TARIKH : 8.8.2017
SOALAN : NO. 99

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan rancangan Kementerian mengasingkan urusan pentadbiran, pengurusan dan kewangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) daripada kalangan penjawat akademik bagi tujuan penambahbaikan kualiti pentadbiran universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberi pilihan kepada universiti awam (UA) untuk melaksanakan pengasingan peranan pentadbiran/pengurusan dengan peranan akademik berdasarkan kesesuaian setiap UA. Pada masa kini, Naib Canselor bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua urusan akademik, pentadbiran dan Pengurusan. Walau bagaimanapun, selari dengan perkembangan autonomi yang lebih luas, maka UA mempunyai pilihan untuk mewujudkan dua jawatan berasingan iaitu:

- (a) Jawatan mengetuai universiti dalam hal ehwal pentadbiran dan Pengurusan seperti perancangan strategik dan pengumpulan dana (contoh: Presiden atau Naib Canselor); dan

- (b) Jawatan menguruskan hal ehwal akademik dan penyelidikan
(contoh: *Provos* atau Timbalan Naib Canselor).

Selain itu, bagi membolehkan pengurusan pendapatan dan kewangan UA yang lebih berkesan, KPT akan memberi fokus kepada peningkatan profesionalisma kepimpinan IPT terutamanya untuk peranan pentadbiran dan kawalan kewangan. Selari dengan usaha mempelbagaikan sumber pendapatan masing-masing, KPT turut menggalakkan UA untuk melantik Ketua Pegawai Kewangan (*Chief Financial Officer*) bagi memantapkan tadbir urus dana endowmen yang berasingan daripada pentadbiran harian universiti.

KPT turut menghasikan garis panduan UniTP *Green Book – Enhancing University Board Governance and Effectiveness* yang memperincikan kaedah pemantapan bidang autonomi di peringkat universiti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR
KUCHING]**

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 100

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan makluman tentang projek pengorekan Sungai Sarawak dari Muara Tebas ke Pelabuhan Pending, Kuching berapakah peruntukan yang telah disalurkan, nama kontraktor yang dilantik, skop projek dan jangka masa ia akan disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) telah memperuntukkan RM360 juta bagi kerja-kerja pengerukan di muara Sungai Sarawak bagi mengatasi masalah kecekatan alur pelayaran di sungai tersebut. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada *Value Management Lab* (VM Lab) yang telah diadakan pada 13-17 Februari 2017, kos projek telah meningkat kepada RM459,715 juta mengambil kira perubahan skop kerja semasa yang merangkumi *flushing effect* (kelancaran arus sungai).

Skop kerja bagi projek pengerukan ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) pengerukan kapital alur pelayaran sepanjang 43.4 meter;
- (ii) lebar dasar alur pelayaran 160 meter di *inner channel* dan 180 meter di *outer channel*;
- (iii) kedalaman kerukan adalah 9.0 meter di bawah *Chart Datum* (CD);
- (iv) Sump (perangkap mendapan) sepanjang 1000 meter panjang dengan kedalaman 1 meter di bawah "*design depth*" di *Inner Bar*, dan
- (v) lain-lain aspek teknikal yang berkaitan.

Projek ini dijangka mengambil masa selama 30 bulan untuk disiapkan. Manakala, pelantikan kontraktor bagi projek ini masih lagi di peringkat pertimbangan Kerajaan.